



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 17 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	OP BPT BANTU BANTERAS PENYELEWENGAN BERAS, NASIONAL, SH -11 TUJUH INISIATIF ELAK KRISIS SEKURITI MAKANAN NEGARA, MUKA DEPAN, UM 1 & 2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5.	JABATAN VETERINAR: TIADA LAPORAN BEKALAN AYAM KURANG DI LADANG, MALAYSIA KINI -ONLINE TIADA LAPORAN KEKURANGAN BEKALAN AYAM DI PERINGKAT LADANG - DVS, ASTRO KINI -ONLINE NO REPORTS OF CHICKEN SHORTAGE AT FARM LEVEL, SAYS DVS, THE STAR -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6. 7.	DAMAK KING BAKAL DIEKSPORT - PASFA, NEGARA, KOSMO -16 NELAYAN DAKWA BOT SINGAPURA ROSAKKAN JARING TANGKAP UDANG, NASIONAL, BH -19	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Op BPT bantu banteras penyelewengan beras

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melaksanakan Operasi Beras Putih Tempatan (Op BPT) bermula Rabu bagi membanteras isu penipuan dan penyelewengan BPT serta beras putih import (BPI) seperti yang dilaporkan media baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Op BPT akan memberi fokus pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas kilang padi (komersial) serta pemborong agar keseluruhan bekalan pengedaran beras di semua peringkat mematuhi peraturan sedia ada.

Menurutnya, KPKM melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) telah berkolaborasi secara strategik bersama Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Op Jamin bermula 7 Julai lalu bagi meningkatkan kapasiti penguatkuasaan dan pemantauan seluruh negara.

"Sehingga 10 Ogos lalu, sebanyak 925 pemeriksaan telah dilaksanakan antara KPKM dan KPDN di seluruh negara bagi memastikan kestabilan bekalan BPT sentiasa terjamin.

"KPKM memandang serius berkenaan



Mohamad (tiga dari kiri) menerima kunjungan hormat daripada delegasi Duta Besar Republik Uzbekistan, Ravshan Usmanov pada Selasa.

an dakwaan penipuan oleh pemborong beras tempatan yang membungkus semula kampak BPT menjadi BPI yang tidak dikawal harganya oleh kerajaan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambah beliau, KPKM akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang didapati membuat kesalahan perihal satu kenyataan palsu mengenai gred beras di bawah Seksyen

21 Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522).

"Individu boleh didenda sehingga RM25,000, dipenjarakan tidak melebihi tempoh dua tahun atau kedua-duanya sekali dan syarikat didenda sehingga RM50,000," ujarnya.

Orang ramai diminta menghantar sebarang maklumat mengenai bekalan atau penipuan yang berlaku ke e-mel aduankpb@kpkm.gov.my atau menerusi talian 03-88701751/1748/1183.

Sementara itu, pada Selasa, Mohamad menerima kunjungan hormat Duta Besar Republik Uzbekistan, Ravshan Usmanov.

Pertemuan itu membincangkan cadangan Uzbekistan Center of Knowledge and Innovation in Agriculture untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Pada masa sama, Mohamad turut menerima undangan daripada Menteri Pertanian Uzbekistan untuk menghadiri *International Conference on Food Security (ICFS)* yang dijadualkan pada September depan di Samarkand, Uzbekistan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Tujuh inisiatif elak krisis sekuriti makanan negara

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia merangka strategi bagi menjamin sekuriti makanan negara termasuk memantapkan pengeluaran bagi memastikan rantaian bekalan dipertingkatkan.

Ini sekali gus membolehkan pengeluaran mendapat pulangan

manakala rakyat mendapat bekalan dengan harga sepatutnya.

Kerajaan memberi perhatian serius kepada isu jaminan makanan susulan trend negara-negara pengeluar makanan asas berpotensi mengehadkan atau menghentikan terus eksport bekalan dengan contoh terbaharu tindakan India menghen-

tikan pengeksportan berasnya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof yang mempengerusikan Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara bersama dengan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata,

bagi memastikan Malaysia tidak terjerumus dalam krisis terputus bekalan makanan, kerajaan menetapkan tujuh perancangan jaminan sekuriti makanan negara melalui Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan menjelang Belanjawan 2024.

Bersambung di muka 2



Durian dan Jalur Gemilang

ROSHAYATI Mustafa, 52, menggantung durian untuk dijual di gerai miliknya yang dihiasi Jalur Gemilang sempena sambutan Bulan Kebangsaan di Kampung Pecah Batu, Binjal Rendah di Marang semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Tujuh inisiatif elak krisis sekuriti makanan negara

Dari muka 1

Menurut beliau, perancangan utama kerajaan ialah menyediakan sistem makanan masa depan yang cekap dan berdaya tahan seterusnya berpotensi meningkatkan pendapatan kepada pengeluar di sepanjang rantai makanan.

Daripada sistem, ukuran ketersediaan dan keupayaan mendapatkan makanan diperlukan dalam masyarakat di sesebuah negara dengan harga sewajarnya.

“Menerusi perancangan dan langkah itu diharap Malaysia berupaya menyediakan makanan berkhasiat dan berpatutan selaras dengan teras utama kerangka sekuriti makanan negara.

“Kerajaan turut mensasarkan pengeluaran dan strategi peningkatan produktiviti dengan menerapkan amalan pertanian mampan selain memastikan kecekapan penghasilan produk pertanian yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan pengeluar,” kata beliau.

Fadillah dan Mohamad berkata, aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi yang dipergiatkan antaranya penyelidikan pembangunan varieti padi tahan kemarau serta kajian pembangunan baka akuakultur yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Pelbagai insentif dan menambah baik insentif sedia ada dilaksanakan untuk golongan sasar seperti subsidi dan insentif



FADILLAH YUSOF

untuk industri padi dan beras, subsidi ayam dan telur kepada penternak, menawarkan pinjaman mudah kepada penternak di bawah Dana Pembiayaan Agromakanan bagi mengatasi masalah modal pusingan akibat kenaikan kos pengeluaran.

Penyaluran bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) dan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) diteruskan bagi aktiviti pertanian dan agromakanan yang terjejas.

Selain itu menurut Fadillah dan Mohamad, penggunaan teknologi moden seperti fertigasi dan *control environment farming* turut digalakkan.

Dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap makanan import, Program Smart SBB diperluaskan menerusi Model Mini Sekinchan untuk dilaksanakan di beberapa negeri lain.

Ini termasuk pemerkasaan pengeluaran ikan melalui akuakultur yang menyasarkan pengeluaran akuakultur ber-

banding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40.

“Sasaran penghasilan jagung bijian 600,000 tan metrik yang dapat mengurangkan kebergantungan import makanan ternakan sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2032.

“Bahan makanan ternakan alternatif dibangunkan seperti Black Soldier Fly (BSF) dan Palm Kernel Expeller (PKE) atau Palm Kernel Cake (PKC) dan pemerkasaan industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada input pertanian,” kata mereka.

Kerajaan turut memperluaskan penternakan secara fidlot dengan tumpuan kepada pemerkasaan lembu pedaging untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 50 peratus pada 2030.

Kedua-duanya berkata, Belanjawan 2024 akan memperkasakan lagi peranan dan pelaksanaan Program Jualan AgroMadani di bawah KPKM melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Sebanyak 5,000 tambahan lokasi akan diperluaskan ke seluruh negara bagi pelaksanaan program berkenaan dengan penjimatan harga jualan antara 10 - 30 peratus lebih rendah dari harga pasaran.

“Pihak kerajaan yakin perancangan disediakan menjelang Belanjawan 2024 mampu membantu golongan terkesan seperti nelayan, petani dan penternak,” kata mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2023	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Jabatan veterinar: Tiada laporan bekalan ayam kurang di ladang



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) tidak menerima laporan kekurangan bekalan ayam di peringkat ladang, susulan dakwaan berlakunya kekurangan bekalan itu hingga menyebabkan harga ayam naik.

Dalam kenyataan semalam, DVS memaklumkan pihaknya juga tidak menerima laporan berlakunya wabak

penyakit ayam, yang menyebabkan kematian secara besar-besaran.

“Oleh yang demikian, DVS memohon agar orang awam untuk tidak panik,” menurut kenyataan itu yang mengulas laporan media tempatan bertajuk ‘Bekalan kurang punca harga ayam naik - pembekal’ yang disiarkan semalam.

Laporan itu menyatakan bekalan ayam yang berkurangan beberapa hari lepas, menjadi punca harga ayam di pasaran terpaksa dinaikkan kembali antara RM9 hingga RM9.28.

Kenyataan DVS itu memaklumkan jika terdapat sebarang kekurangan bekalan ayam belaku, perkara itu boleh dilaporkan segera kepada DVS melalui Pejabat Veterinar Daerah/Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri yang terdekat atau melalui e-mel pro@dvs.gov.my dan nombor perhubungan 03-8870 2000.

-Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2023	ASTRO KINI	ONLINE	

Tiada laporan kekurangan bekalan ayam di peringkat ladang – DVS



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) tidak menerima laporan kekurangan bekalan ayam di peringkat ladang, susulan dakwaan berlakunya kekurangan bekalan itu hingga menyebabkan harga ayam naik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2023	THE STAR	ONLINE	

No reports of chicken shortage at farm level, says DVS

PUTRAJAYA: The Department of Veterinary Services has yet to receive any reports of a shortage of chicken at the farm level, following claims that it had caused an increase in the price of chicken.

The department said that it has also not received reports of any poultry disease outbreaks which cause mass deaths.

"Therefore, we ask the public not to panic," the department said in a statement on Wednesday (Aug 16).

It was commenting on a news article titled 'Bekalan kurang punca harga ayam naik - Pembekal' (Shortage of supply causes prices of chicken to rise - Suppliers) published yesterday.

According to the report, the shortage of chicken a few days ago was the reason why the price of chicken in the market had increased from RM9 to RM9.28.

DVS said that any shortage of supply can be reported immediately to the department, via the nearest district veterinary offices or state DVS, or via e-mail pro@dvs.gov.my or contact 03-8870 2000. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2023	KOSMO	NEGARA	16



ZAMRI (tengah) melihat hasil durian musang king pada Program Moh Kendurian Pasfa di Ladang Kampung Mahkota, Kuantan semalam.

Tanam pelbagai jenis durian atas tanah 200 hektar.

Damak king bakal dieksport – Pasfa

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI

KUANTAN – Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) menyasarkan menanam durian damak king dan pelbagai varieti durian seperti duri hitam dan musang king di tanah seluas kira-kira 40 hektar untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pengerusi Jemaah Pengarah Pasfa, Datuk Zamri Yaakob berkata, setakat ini Pasfa telah menanam lebih 600 pokok pelbagai varieti durian di ladang seluas 20 hektar di Kampung Seri Mahkota dengan 198 pokok telah mengeluarkan hasil.

“Kita menyahut saranan kerajaan supaya memberi tumpuan kepada keselamatan makanan termasuklah durian, bagi durian ini kita hendak meningkatkan pendapatan melalui eksport.



KERATAN Kosmo! 27 Jun 2023.

“Kita sasar untuk eskport durian ke negara luar khususnya negara China menerusi penanaman durian berskala besar ini selain pasaran tempatan,” katanya dalam sidang akhbar pada Program Moh Kendurian Pasfa di Ladang Kampung Mahkota, di sini semalam.

Menurutnya, penanaman durian varieti terkini seperti damak king itu akan dilakukan di atas tanah seluas kira-kira 200 hektar di Kuala Lipis tahun hadapan.

Dalam pada itu, Zamri memberitahu, produk hiliran berasaskan durian juga akan diperkenalkan selain menjual secara borong kepada pembekal.

“Kita akan mencari rakan kongsi bagi menghasilkan produk hiliran ini termasuk aiskrim dan makanan yang berkaitan dengan durian,” ujarnya.

Sementara itu, Zamri berkata, pihaknya telah melaksanakan projek pertanian bercampur di Ladang Kampung Seri Mahkota bagi meningkatkan hasil pertanian selaras dengan kehendak kerajaan yang mahu sektor pertanian menjadi sumber kekayaan baharu kepada rakyat.

Katanya, pada musim ini, Pasfa menjangkakan penghasilan durian lebih 11 tan dengan anggaran pendapatan sebanyak RM150,000.

Nelayan dakwa bot Singapura rosakkan jaring tangkap udang

Peronda negara jiran tarik peralatan masuk sempadan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Iskandar Puteri: Empat nelayan mendakwa bot milik pihak berkuasa Singapura melanggar dan merosakkan jaring udang yang dipasang mereka di kawasan perairan Selat Tebrau, pagi kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 pagi berhampiran Jambatan Link Kedua di sini, sebuah bot pihak berkuasa negara jiran itu didakwa tiba-tiba melanggar jaring udang yang dipasang nelayan terbabit sebelum menariknya sehingga masuk ke dalam sempadan negara berkenaan.

Susulan itu, laporan polis berhubung kejadian berkenaan dibuat kumpulan nelayan terbabit di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Iskandar Puteri tengah hari kelmarin.

Nelayan Kampung Pendas, Faizal Wahid, 42, berkata kejadian berlaku ketika beliau bersama tiga nelayan lain sedang mema-

sang jaring udang itu.

Katanya, insiden berkenaan mengingatkannya kepada kejadian beliau dihalau dengan kata-kata kesat oleh pihak berkuasa negara itu pada Oktober tahun lalu.

"Sebanyak tujuh jaring udang sudah siap dipasang sebelum sebuah bot peronda negara itu tiba-tiba menghampiri dan kemudian melanggar jaring kami.

"Kejadian itu berlaku ketika petugas bot peronda berkenaan nampak saya dan tiga nelayan sedang sibuk memasang jaring dan ia belum tenggelam lagi, tetapi bot itu terus melanggarnya tanpa sebarang amaran.

"Jaring yang dipasang itu kemudian tersangkut pada tiga kipas bot pihak berkuasa Singapura itu sebelum ia ditunda masuk ke perairan negara jiran.

"Saya bertanya pada petugas bot negara jiran itu kenapa melanggar jaring kerana kami berada dalam perairan negara, namun kecewa apabila mereka hanya menyatakan tidak perasan jaring berkenaan, sebelum menundanya masuk ke perairan negara itu," katanya pada sidang media di Jeti Kampung Pendas, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Iskandar, Datuk Pandak Ahmad.

Pada 24 Oktober tahun lalu, sekumpulan 10 nelayan tempatan di-



Pandak (tengah) bersama Faizan (kanan) menunjukkan gambar dan video mendakwa pihak berkuasa Singapura melanggar jaring dipasang nelayan di Selat Tebrau pada sidang media di Jeti Kampung Pendas, semalam.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

laporkan mendakwa dihalau pihak berkuasa Singapura ketika memasang jaring udang di kawasan Pasir Laba, berhampiran Jambatan Link Kedua di sini.

Dihalau pihak berkuasa

Kejadian berlaku kira-kira jam 5.30 petang apabila mereka dihalau menggunakan pembesar suara dari bot pihak berkuasa negara jiran itu, walaupun masing-masing berada dalam perairan negara.

Sementara itu, Pandak berkata, beliau kesal dengan tindakan pihak berkuasa Singapura itu dan menyifatkannya sebagai provokasi bagi menakutkan nelayan tempatan selepas insiden sama berlaku pada Oktober tahun lalu.

"Kita kesal kerana kawasan nelayan melabuhkan jaring itu masih dalam perairan negara di Selat Tebrau, sebaliknya bot peronda republik itu sebenarnya menceceh masuk ke sempadan negara.

"Kumpulan nelayan juga mempunyai bukti video yang mereka masih berada di kawasan sempadan negara, selain merekodkan kejadian provokasi pihak berkuasa Singapura terhadap mereka.

"Saya minta pihak berkuasa negara terutama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Pasukan Polis Marin (PPM) terus memantau perairan negara kerana jika ada pemantauan, bot pihak berkuasa negara jiran tidak berani masuk ke sempadan kita dan memprovokasi nelayan tempatan.

"Saya mencatangkan Pulau Merambung di sempadan perairan negara dan jiran dijadikan pangkalan Maritim Malaysia supaya kita tidak sewenang-wenang dice-roh pihak luar," katanya.